

08/09/2000

Wang ihsan tidak rugikan Terengganu (HL)

Kadir Dikoh

SEPANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan, pelaksanaan Program Pembiayaan Wang Ihsan kepada Terengganu tidak akan merugikan rakyat negeri itu.

Perdana Menteri menegaskan, program yang disalah anggap sebagai menggantikan royalti minyak itu juga bukan satu diskriminasi kerana Terengganu sebenarnya tidak mempunyai hak mendapat royalti minyak.

"Malah, negeri lain (di Semenanjung) juga tidak mendapat apa-apa," katanya sambil menegaskan pemberian wang ihsan itu dibuat mengikut undang-undang.

Beliau menjelaskan, royalti minyak yang selama ini diterima oleh Terengganu sebenarnya wang ihsan daripada Kerajaan Pusat.

"Ia bukan royalti. Ia adalah ihsan yang kita bagi memandangkan Terengganu adalah negeri termiskin dulu tetapi sekarang keadaan berbeza. Wang ihsan itu hanya disebut sebagai royalti tetapi mengikut undang-undang, Terengganu tidak mempunyai hak untuk menerima royalti minyak.

"Kerana ini (minyak) bukan dari Terengganu. Ini off-shore (luar pesisir) dan mengikut undang-undang barang off-shore adalah milik Kerajaan Pusat," katanya menjawab soalan pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini setibanya daripada lawatan kerja di Amerika Syarikat.

Kementerian Kewangan kelmarin mengumumkan Kerajaan Pusat akan membayar wang ihsan kepada Terengganu melalui kaedah baru dikenali Program Pembiayaan Wang Ihsan dan tidak lagi disalurkan terus kepada kerajaan negeri itu.

Sebaliknya, wang itu akan diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Peringkat Pusat (JPP) yang ditubuhkan khusus bagi merangka pelaksanaan program pembangunan negeri berkenaan.

Antara lain, wang ihsan itu akan digunakan untuk pembinaan jalan luar bandar dan kampung, bekalan air dan elektrik, perumahan kos rendah untuk nelayan dan rakyat termiskin, pinjaman bagi pembelian bot nelayan dan peralatan menangkap ikan, pemberian pinjaman biasiswa dan bantuan persekolahan.

Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, dalam satu ceramah di Kota Bharu malam tadi bagaimanapun berkata, Kerajaan Pusat perlu membayar royalti minyak kepada Terengganu menerusi kerajaan negeri pimpinan Pas sekarang.

Katanya, langkah menyalurkan bayaran itu kepada rakyat Terengganu menerusi JPP tidak wajar kerana kerajaan negeri adalah pihak yang berhak untuk mengendalikan wang itu.

Dr Mahathir, ketika ditanya sama ada wang ihsan yang akan diberikan itu mengikut kadar lima peratus seperti dulu, berkata kadarnya akan ditentukan oleh Kerajaan Pusat.

"Kita akan tentukan, tetapi ia tak akan merugikan rakyat Terengganu kerana kita akan salurkan melalui cara-cara lain," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat bersetuju memberi wang ihsan berdasarkan kadar royalti minyak kepada Terengganu dulu kerana beranggapan jumlahnya tidak akan melebihi RM50 juta setahun, tetapi ia kini mencecah hampir RM1 bilion.

(END)